



Kualiti dan pengurusan alam sekitar

Matlamat kami: Produk yang berkualiti tinggi dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Pasaran dan kepuasan pelanggan kami

Pelanggan yang berpuas hati adalah asas kejayaan kami. Teras kecekapan kami terletak pada penyelesaian sensor yang berkualiti tinggi dan jaminan kebolehsediaan sepanjang kitaran hayat produk. Selain daripada komitmen untuk melaksanakan dan usaha meningkatkan sistem pengurusan kualiti dan alam sekitar mengikut ISO 9001 dan ISO 14001, kami memastikan akan terus patuh kepada peraturan dan keperluan undang-undang.

Semua proses dalam perundingan, fasa tawaran, pembangunan, pengeluaran dan perkhidmatan akan dioptimumkan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pasaran dan pelanggan kami. Ini termasuklah berkaitan dengan pengurusan sumber secara berhemah mengikut kadar tenaga pada setiap masa.

Pekerja kami

Aspirasi kami adalah bertindak secara aktif dan mampan bagi membentuk kemajuan hari ini dan pada masa hadapan. Kami memastikan pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan harapan pelanggan melalui nilai korporat kami dan pengakuran terhadap undang-undang, peraturan dan piawai yang ditetapkan.

Kami menyokong kebebasan bertindak bagi semua pekerja di dalam pasukan kami dan memberikan perhatian khusus kepada amalan keterbukaan di antara satu sama lain. Latihan dan pembelajaran secara berterusan serta kesediaan untuk berubah adalah kunci utama untuk semua pekerja. Penghargaan bersama, semangat berpasukan dan kebersamaan, kebergantungan dan kepercayaan menentukan tindakan kita di antara satu sama lain. Ini adalah prasyarat penting untuk komunikasi yang berkesan dan juga menjaga persepsi pelanggan.

Proses dan teknologi kami

Kami komited untuk sentiasa berterusan menganalisis dan menambahbaik proses. Dengan demikian, kami bertanggungjawab melindungi dan memulihara alam sekitar secara mampan melalui penggunaan teknologi yang berorientasikan masa depan, dan kaedah pengendalian bahan-bahan utama dan sekunder.

Pencegahan ralat dan bukannya pembetulan ralat! Setiap risiko akan membuka peluang untuk melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki dan menstabilkan proses perniagaan. Penggunaan teknologi canggih dapat menyumbang kepada produk berkualiti tinggi dan daya saing yang mampan.

Kami melihat produk, perkhidmatan dan barangan modal kami di sepanjang nilai rantai yang menjadi kebiasaan kami dan mengoptimalkan mereka sepanjang kitaran hidup mereka. Para pembekal kami telah memberikan sumbangan yang penting dalam memenuhi keperluan kualiti dan alam sekitar. Mereka juga bersedia untuk mengambil tanggungjawab terhadap kualiti dan alam sekitar. Kami juga membuat penilaian penggunaan tenaga primer dan sekunder dalam aspek pelaburan dan pembinaan.

Sumbangan ini pastinya dapat mengurangkan pembebasan CO2 dalam penghasilan produk dan proses kami.

